

PENGUNAAN KAD GANTUNG BAGI PEMBELAJARAN PENGENALAN ABJAD DI PRASEKOLAH

The Use of Hanging Cards for Letter Recognition Learning in Preschool

Mohd Azahar Madar^{1*}

Sekolah Kebangsaan Panchang Pedena, 45300 Sungai Besar, Selangor, Malaysia¹

mohdazaharmadar@yahoo.com^{1*}

*Corresponding Author

Diterima: 22 Sept 2024; **Disemak semula:** 26 Ogos 2025; **Diterima:** 09 Sept 2025; **Diterbitkan:** 30 Sept 2025

To cite this article (APA): Madar, M. A. (2025). Penggunaan Kad Gantung bagi Pembelajaran Pengenalan Abjad di Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 141-157. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.10.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.10.2025>

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan meneroka keberkesanan penggunaan kad gantung abjad dalam meningkatkan literasi awal kanak-kanak prasekolah. Tujuan utama kajian adalah menilai bagaimana aktiviti berasaskan kad gantung dapat menyokong penguasaan abjad, kesedaran fonemik, dan motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan sepuluh orang murid prasekolah berumur enam tahun. Data dikumpul melalui pemerhatian guru, catatan refleksi, serta hasil kerja murid yang diperoleh sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beberapa aktiviti dilaksanakan termasuk penghasilan kad gantung, pengenalan abjad, permainan interaktif, serta paparan kad gantung sebagai dekorasi bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pengenalan abjad, perkembangan kosa kata, dan kefahaman bunyi abjad. Murid juga menunjukkan keterlibatan yang lebih aktif, motivasi tinggi, serta peningkatan kemahiran motor halus melalui aktiviti kreatif menghasilkan kad. Secara keseluruhannya, penggunaan kad gantung abjad telah membantu mengukuhkan asas literasi awal kanak-kanak prasekolah. Kajian ini merumuskan bahawa kad gantung merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang efektif, menyeronokkan, dan sesuai diaplikasikan dalam konteks pendidikan awal. Implikasi kajian mencadangkan guru mengintegrasikan bahan visual dan aktiviti permainan berasaskan kad gantung dengan sokongan teknologi serta kolaborasi ibu bapa bagi memperkukuh keberkesanan literasi awal secara holistik.

Kata kunci: Pembelajaran Abjad, Literasi Awal, Kanak-kanak Prasekolah, Kad Gantung Abjad, Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

ABSTRACT

This action study aimed to explore the effectiveness of the use of alphabet hanging cards in improving early literacy in preschoolers. The main aim of the study was to assess how hanging card-based activities can support alphabet mastery, phonemic awareness, and students' motivation towards language learning. This study used a qualitative approach involving ten six-year-old preschool students. Data is collected through teacher observations, reflection notes, as well as students' work obtained during teaching and learning activities. Several activities were carried out including the production of hanging cards, letter identification, interactive games, as well as the display of hanging cards as classroom decorations. The study findings showed significant improvements in letter recognition, vocabulary development, and letter sound comprehension. Pupils also show more active engagement, high motivation, as well as improved fine motor skills through creative card-making activities. Overall, the use of alphabet hanging cards has helped strengthen the foundation of early preschool literacy. This study concluded that hanging cards are an effective, fun, and suitable teaching and learning strategy to be applied in the context of early education. The implications of the study suggest that teachers integrate visual materials and hanging card-based game activities with technological support and parental collaboration to strengthen the effectiveness of early literacy holistically.

Keywords: *Alphabet Learning, Early Literacy, Preschoolers, Alphabet Hanging Cards, Teaching and learning Strategies*

PENGENALAN

Pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam pembangunan potensi kanak-kanak sebelum mereka memasuki alam pendidikan formal (Muner & Rosli, 2023). Aspek yang kritikal dalam proses pembelajaran prasekolah ialah penguasaan abjad. Penguasaan abjad pada peringkat ini menjadi asas utama dalam perkembangan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak (Jaafar et al., 2022). Pada peringkat ini, kanak-kanak prasekolah sedang aktif mengembangkan kemahiran bahasa mereka, dan penguasaan abjad menjadi langkah permulaan dalam proses literasi (Selamat & Bakar, 2023). Pada tahap ini mereka mulai mengenal abjad, membaca dan memahami konsep asas dalam bahasa bertulis. Keperluan penguasaan abjad pada usia ini dapat dilihat dalam kemampuan kanak-kanak untuk mengenali, menyebut dan mengaitkan bunyi abjad dengan bentuk bertulisnya (Ompok, 2021). Penelitian mengenai tahap penguasaan abjad pada murid prasekolah tidak hanya memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan kognitif kanak-kanak pada usia ini, tetapi juga memberikan asas untuk reka bentuk kurikulum yang berkesan (Kaviza et al., 2022). Penguasaan abjad merupakan asas penting dalam pembelajaran bahasa dan literasi pada peringkat prasekolah (Dirgayunita et al., 2022). Kajian menunjukkan bahawa penguasaan abjad pada peringkat prasekolah memberikan impak yang ketara terhadap perkembangan literasi dan kognitif murid (Nahar, 2020). Kelemahan dalam penguasaan abjad pada peringkat ini boleh menghalang kemajuan literasi kanak-kanak, yang seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka pada masa akan datang (Kaviza et al., 2022). Selain itu, kekurangan penguasaan abjad juga boleh memberikan kesan terhadap pembangunan kesedaran fonemik, kemahiran yang penting untuk kemahiran membaca dan menulis (Nahar, 2020).

Kanak-kanak yang menghadapi kesukaran dalam menguasai abjad cenderung mengalami kesukaran dalam membaca dengan lancar, memahami teks bacaan dan mengekspresikan diri secara bertulis (Basri & Maat, 2021). Selain itu, kekurangan ini boleh memberikan kesan negatif terhadap keyakinan diri kanak-kanak di dalam persekitaran sekolah, yang mungkin merangsang pencapaian akademik yang lebih rendah (Muner & Rosli, 2023). Aspek lain seperti persekitaran sosial dan pendidikan terhadap kemampuan kanak-kanak untuk menguasai abjad perlu diambil kira (Min & Maat, 2022). Kanak-kanak yang berasal dari latar belakang yang kurang memberi sokongan literasi atau kurang mendapat akses kepada bahan pembelajaran berkaitan abjad mungkin menghadapi lebih banyak kesulitan dalam mencapai tahap penguasaan yang diharapkan (Subramaniam & Kunasegran, 2022). Sokongan data empirikal melibatkan kajian longitudinal menunjukkan korelasi positif antara penguasaan abjad prasekolah dan pencapaian literasi yang tinggi pada peringkat perkembangan berikutnya. Selain itu, kepentingan penguasaan abjad dalam pembangunan kesedaran fonemik menjadi lebih jelas dengan integrasi elemen ini dalam proses literasi. Kemahiran ini memainkan peranan yang besar dalam kelangsungan perkembangan kognitif dan dapat diukur melalui peningkatan hubungan dalam sistem saraf. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan abjad, kita dapat merancang strategi pembelajaran yang lebih tepat dan relevan untuk menyokong pertumbuhan kemahiran literasi pada kanak-kanak prasekolah.

METODOLOGI

Refleksi Isu Keprihatinan

Penguasaan abjad merupakan aspek penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah yang membentuk asas bagi kemahiran membaca dan menulis mereka. Oleh sebab itu, kesukaran dalam penguasaan abjad dapat memberi impak yang signifikan terhadap prestasi literasi kanak-kanak. Kesukaran ini bukan sekadar isu individu, tetapi berkait rapat dengan keberhasilan kanak-kanak prasekolah dalam memahami konsep asas bahasa.

Penguasaan abjad yang baik membuka pintu kepada kemahiran membaca dan menulis yang lebih cekap, yang merupakan landasan kepada pencapaian akademik dan perkembangan kognitif di peringkat awal pendidikan kanak-kanak. Melalui refleksi pembelajaran ini, kita akan menelusuri faktor-faktor yang mungkin menyumbang kepada tahap penguasaan abjad yang lemah dalam kalangan murid prasekolah. Analisis ini diharapkan dapat memberikan impak yang mendalam kepada pendidik, ibu bapa dan pihak yang terlibat dalam pembangunan kanak-kanak prasekolah bagi menyusun strategi pembelajaran yang lebih berkesan dan sesuai dengan keperluan individu mereka. Dalam proses pengajaran abjad kepada murid prasekolah, pengkaji telah mengalami beberapa cabaran terutamanya berkaitan dengan murid yang kurang menguasai abjad. Pada peringkat refleksi ini, pengkaji sedar bahawa kesiapan belajar yang berbeza dan tingkat kefahaman yang berlainan di kalangan murid prasekolah boleh memberi impak pada penguasaan abjad mereka. Oleh itu, strategi pengajaran yang mempertimbangkan keperluan individual murid menjadi keutamaan. pengkaji juga menyedari kepentingan penggunaan elemen permainan dan aktiviti yang menarik dalam proses pengajaran. Melibatkan murid dalam pembelajaran secara interaktif dan kreatif telah membantu meningkatkan minat mereka terhadap abjad. Penggunaan permainan pembelajaran, bahan berwarna-warni dan lagu-lagu berkaitan abjad menjadi cara yang berkesan untuk mencipta suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Selain itu, kerjasama dengan ibu bapa sangat penting.

Komunikasi yang berterusan membantu pengkaji mendapatkan maklum balas tentang perkembangan murid di rumah dan menyelaraskan usaha pengajaran di kelas dengan sokongan yang diberikan di rumah. Refleksi ini turut menggariskan keperluan untuk bersikap sabar dan memberi penghargaan kepada pencapaian kecil. Setiap murid mempunyai keperluan pembelajaran yang unik dan pengiktirafan terhadap usaha mereka amat penting. Seterusnya pengkaji mengembangkan strategi pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran individu setiap murid dan menyediakan persekitaran yang menyokong untuk mengatasi kesukaran mereka. Secara keseluruhan, refleksi ini membantu pengkaji memahami bahawa pendekatan pengajaran abjad di prasekolah perlu bersifat fleksibel dan menitikberatkan kepada keperluan setiap murid.

Isu Keprihatinan Fokus Kajian

Ketidاكلancaran kemahiran membaca dan kelemahan penguasaan kemahiran menulis dilihat sebagai punca kemerosotan pencapaian akademik kebelakangan ini di sekolah rendah (Nahar, 2020). Berdasarkan kajian yang ada, terdapat beberapa faktor yang mungkin menyebabkan murid sukar mengecam abjad dalam Bahasa Melayu. Salah satu faktor yang mungkin menyumbang kepada masalah ini adalah persekitaran sosial dalam bilik darjah. Kajian oleh Sibat dan Yasin (2022) menunjukkan bahawa persekitaran sosial dalam bilik darjah boleh mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian oleh Nahar (2020) juga menunjukkan bahawa murid bukan penutur asli Bahasa Melayu menghadapi kesulitan dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa faktor latar belakang bahasa dan budaya murid mungkin mempengaruhi penguasaan bahasa.

Kurangnya bahan pengajaran yang sesuai juga boleh menyumbang kepada kesukaran murid dalam mengecam abjad dan membina ayat (Subramaniam & Kunasegran, 2022). Selain itu, kajian oleh Rosli et al. (2021) menunjukkan bahawa ketidaklancaran kemahiran membaca merupakan punca kemerosotan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa kesukaran dalam membaca juga boleh menyumbang kepada kesukaran dalam mengecam abjad dan kemahiran Bahasa Melayu secara keseluruhan. Faktor-faktor seperti persekitaran sosial, latar belakang bahasa dan budaya, kurangnya bahan pengajaran yang sesuai dan kesukaran dalam membaca mungkin menjadi penyumbang kepada kesukaran murid dalam mengecam abjad dalam Bahasa Melayu.

Isu murid prasekolah yang tidak mengenal abjad a hingga z dalam Bahasa Melayu merupakan masalah yang memerlukan perhatian. Kajian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu oleh murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak menimbulkan kebimbangan yang perlu ditangani (Wei et al., 2020). Dapatan kajian ini memberi gambaran tentang kesukaran yang dihadapi oleh murid prasekolah dalam mengenal abjad dan kemahiran membaca Bahasa Melayu. Selain itu, kajian berkaitan kesulitan belajar "disleksia" pada murid di prasekolah juga memberikan pandangan yang relevan, dengan menekankan pentingnya mengenal pasti masalah kesukaran belajar pada tahap prasekolah (Dirgayunita et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap kesukaran belajar pada peringkat prasekolah, termasuk kesukaran dalam mengenal abjad, adalah penting untuk memastikan intervensi yang sesuai dapat diberikan kepada murid. Kajian ini akan melibatkan analisis terhadap kaedah-kaedah pembelajaran yang berkesan, faktor-faktor psikologi dan persekitaran yang mempengaruhi penguasaan abjad, serta implikasi hasil kajian ini terhadap pembangunan kurikulum prasekolah.

Pelaksanaan kaedah pengajaran menggunakan kad imbas untuk kanak-kanak prasekolah telah diterokai, menunjukkan keperluan untuk penyelidikan mendalam mengenai keberkesanan pendekatan tersebut Selamat dan Bakar (2023). Kajian oleh Jaafar et al. (2022) mendapati gambaran visual berkesan dan berjaya meningkatkan kemahiran murid dalam mengenal dan menulis abjad a hingga z dengan baik. Kajian oleh Ompok (2021) pula menunjukkan bahawa permainan berulang boleh meningkatkan memori kerja pada kanak-kanak prasekolah, yang berpotensi menyumbang kepada penguasaan abjad mereka. Ini sejajar dengan penyelidikan, yang menekankan kepentingan arahan abjad eksplisit dan hubungannya dengan proses kognitif dalam pembelajaran abjad kanak-kanak prasekolah.

Tinjauan Masalah

Tahap penguasaan abjad pada peringkat prasekolah memainkan peranan penting dalam perkembangan literasi awal kanak-kanak. Kecemerlangan dalam penguasaan abjad merupakan asas utama untuk pembelajaran kemahiran membaca dan menulis. Namun, tidak semua murid dapat menguasai kemahiran mengenal abjad pada peringkat ini. Ketidakmampuan murid prasekolah dalam menguasai abjad adalah masalah kompleks yang melibatkan faktor-faktor seperti kurangnya pendedahan awal, ketidakseragaman pendidikan, kekurangan sumber bahan bantu belajar, kelemahan metodologi pengajaran dan faktor pembangunan individu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sebahagian besar murid prasekolah masih menunjukkan kesukaran untuk mengecam dan mengingati abjad-abjad abjad yang telah dipelajari. Situasi ini dapat dilihat semasa sesi pengajaran bertajuk "*Kenali Abjad A hingga D*" di mana sebahagian murid gagal mengaitkan bentuk abjad dengan bunyinya walaupun telah diperkenalkan beberapa kali melalui aktiviti nyanyian. Pemahaman mendalam terhadap punca-punca kelemahan ini adalah penting bagi merangka intervensi serta strategi pengajaran yang lebih berkesan, contohnya dengan memperbanyakkan aktiviti berasaskan permainan seperti "*Cari Abjad Sama*" atau penggunaan kad gantung berwarna-warni untuk mengukuhkan ingatan visual murid dalam pembelajaran abjad.

Analisis Tinjauan Masalah

Berdasarkan isu yang dihadapi, pengkaji telah membuat analisis bersandarkan beberapa teori seperti Teori Pembelajaran Kognitif, Teori Pembelajaran Behaviorisme, Teori Pembelajaran Konstruktivis, Teori Kecerdasan Pelbagai, dan Teori Pembelajaran Berasaskan Permainan. Teori Pembelajaran Kognitif yang dipelopori oleh Jean Piaget (1952) menekankan peranan proses kognitif dalam pembelajaran. Pada peringkat prasekolah, kanak-kanak sedang melalui tahap praoperasional (2–7 tahun), di mana mereka mulai menggunakan simbol dan bahasa.

Penguasaan abjad dipandang sebagai hasil daripada proses kognitif yang berkembang, termasuk pemahaman simbol-simbol abjad dan hubungannya. Oleh yang demikian, bahan pengajaran abjad perlulah lebih konkrit dan wujud bagi menyokong perkembangan kognitif kanak-kanak. Teori Pembelajaran Behaviorisme yang diwakili oleh ahli seperti B. F. Skinner (1953) menitikberatkan pada peranan stimulus dan respons dalam pembelajaran. Penguasaan abjad dapat dipandang sebagai respons terhadap pendedahan yang konsisten terhadap abjad-abjad abjad. Pengulangan dan ganjaran positif dapat membentuk perkaitan antara abjad dan bunyi, sekali gus membantu dalam penguasaan abjad.

Teori Pembelajaran Konstruktivis oleh Lev Vygotsky (1978) pula menekankan peranan interaksi sosial dan pengalaman dalam pembelajaran. Penguasaan abjad dilihat sebagai proses pembinaan pengetahuan di mana kanak-kanak aktif terlibat dalam pengalaman pembelajaran mereka, sama ada melalui interaksi dengan orang dewasa, rakan sebaya, atau bahan pembelajaran yang sesuai. Teori Kecerdasan Pelbagai yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983) mengakui kepelbagaian kecerdasan dan cara-cara individu memahami dunia. Murid prasekolah mungkin menunjukkan kecemerlangan dalam bentuk kecerdasan tertentu yang memudahkan penguasaan abjad, seperti kecerdasan linguistik atau kinestetik. Kepelbagaian aktiviti melalui penggunaan kad gantung abjad dapat merangsang kecerdasan pelbagai kanak-kanak untuk menguasai abjad. Teori Pembelajaran Berasaskan Permainan, yang bermula dengan idea Friedrich Froebel (1887) tentang *kindergarten* dan diperluas dalam kajian kontemporari seperti Hirsh-Pasek et al. (2009), menyatakan bahawa pembelajaran melalui permainan merupakan pendekatan yang berkesan. Teori ini menekankan kepentingan pengalaman bermain dalam menyediakan persekitaran yang menyeronokkan dan merangsang untuk memudahkan penguasaan abjad.

Melalui pemahaman prinsip-prinsip teori ini, pengkaji dapat merangka strategi pengajaran yang lebih efektif dan menyokong tahap penguasaan abjad dalam kalangan murid prasekolah. Pendekatan yang holistik, menekankan interaksi sosial, pengalaman praktikal, serta pendedahan berterusan, mampu memperkukuh asas literasi awal kanak-kanak.

Rancangan Tindakan

Beberapa rancangan tindakan telah dilakukan oleh pengkaji bagi memastikan kajian ini mencapai objektif yang dihasratkan.

Langkah 1: Pemilihan Sampel

Pengkaji telah memilih sampel murid prasekolah yang diajar dalam kalangan murid yang berumur enam tahun.

Langkah 2: Penyelidikan Awal

Pengkaji mengumpulkan data awal tentang tahap literasi awal kanak-kanak prasekolah dalam penguasaan abjad.

Langkah 3: Pemilihan Kad Gantung Abjad

Memilih reka bentuk kad gantung abjad yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak prasekolah.

Langkah 4: Sesi Pengajaran

Pengkaji melakukan sesi pengajaran yang terarah dengan menggunakan kad gantung abjad. Pengkaji memberi tumpuan kepada interaktif, kreativiti dan penglibatan aktif kanak-kanak.

Langkah 5: Pengumpulan Data

Pengkaji membuat pengumpulan data semasa dan selepas pengajaran untuk menilai perkembangan literasi abjad kanak-kanak prasekolah.

Langkah 6: Analisis Data

Analisis data untuk menentukan kesan positif atau perubahan dalam pembelajaran abjad berdasarkan penggunaan kad gantung abjad.

Langkah 7: Penilaian Keseluruhan

Evaluasi keseluruhan keberkesanan penggunaan kad gantung abjad dalam meningkatkan literasi abjad kanak-kanak prasekolah.

Langkah 8: Penyemakan dan Penyesuaian

Lakukan penyesuaian jika diperlukan berdasarkan penemuan dan maklum balas dari kanak-kanak.

Langkah 9: Penyediaan Laporan

Penyediaan laporan kajian yang merangkumi metodologi, penemuan, kesimpulan dan cadangan untuk peningkatan lanjut.

Pelaksanaan Tindakan

Pelaksanaan Aktiviti 1: Menghasilkan Kad Gantung Abjad

Tajuk Pelajaran: Kenali Abjad A hingga Z melalui Kad Gantung

Tempoh Masa: 40 minit

Objektif Aktiviti: Murid dapat menghasilkan kad gantung abjad secara kreatif sambil mengenal bentuk abjad dan mengukuhkan kemahiran motor halus.

Langkah Pelaksanaan:

1. Set Induksi (5 minit)

Guru menunjukkan contoh kad gantung abjad yang siap dibuat. Guru menerangkan tujuan aktiviti iaitu menghasilkan kad gantung sendiri yang akan digunakan dalam pembelajaran seterusnya.

2. Penerangan Tugas (5 minit)

Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan kecil dan memberi arahan bahawa setiap murid akan menyiapkan sekurang-kurangnya satu abjad abjad. Guru menyediakan bahan seperti kad manila berwarna, pensel, pen marker, gunting, gam, tali, dan hiasan.

3. Proses Penghasilan Kad (20 minit)

- i. Murid menulis atau menampal abjad besar dan abjad kecil pada kad yang disediakan.
- ii. Murid dihias kad mengikut kreativiti menggunakan warna, gambar kecil, atau simbol berkaitan abjad tersebut (contoh: abjad “A” dihiasi dengan gambar api).
- iii. Guru membimbing murid yang lemah dan memberi galakan supaya setiap murid menghasilkan kad yang menarik.

4. Persembahan dan Refleksi (5 minit)

Setelah siap, setiap murid akan menunjukkan kad gantung yang dihasilkan. Guru menyoal murid secara lisan tentang abjad yang mereka hasilkan (contoh: “Abjad apa ini? Apa contoh perkataan yang bermula dengan abjad ini?”).

5. Penggunaan Kad Gantung (5 minit)

Semua kad gantung (sebanyak 26 abjad) dipasang di tali atau sudut pembelajaran dalam kelas sebagai bahan bantu mengajar. Kad ini kemudiannya digunakan untuk aktiviti pembelajaran abjad yang seterusnya.

Rasional Aktiviti:

Aktiviti ini bukan sahaja membolehkan murid menghasilkan bahan pembelajaran sendiri, malah menyokong perkembangan kemahiran motor halus melalui aktiviti menggantung, menampal dan mewarna. Selain itu, penglibatan kreatif dalam penghasilan kad meningkatkan rasa pemilikan terhadap bahan pembelajaran, sekali gus mendorong motivasi murid untuk belajar mengenal abjad dengan lebih aktif (Jaafar et al., 2022; Selamat & Bakar, 2023)

Pelaksanaan Aktiviti 2: Pengenalan Abjad

Tajuk Pelajaran: Mari Kenali Abjad A hingga Z

Tempoh Masa: 40 minit

Objektif Aktiviti: Murid dapat mengenal bentuk abjad, menyebut bunyi abjad, serta memberikan contoh perkataan mudah yang bermula dengan abjad tersebut.

Langkah Pelaksanaan:

1. Set Induksi (5 minit)

Guru menyanyikan lagu Abjad A–Z bersama murid bagi menarik perhatian dan mencetus minat awal.

2. Penerangan Awal (10 minit)

Guru memperkenalkan beberapa abjad (contoh: A, B, C, D) menggunakan kad gantung yang telah dihasilkan. Guru menunjukkan bentuk abjad besar dan abjad kecil sambil menyebut bunyi abjad.

3. Aktiviti Pengenalan (15 minit)

- i. Guru memaparkan kad gantung satu per satu.
- ii. Murid diminta menyebut bunyi abjad secara serentak.

- iii. Guru memberi contoh perkataan mudah (contoh: A – Api, B – Bola), kemudian meminta murid memberikan contoh lain daripada pengalaman mereka.
- iv. Guru menggunakan kaedah soal jawab untuk memastikan murid dapat mengenal abjad dan bunyinya.

4. Aktiviti Pengukuhan (5 minit)

Murid dipanggil secara rawak untuk menunjukkan abjad tertentu yang digantung di kelas dan menyebut bunyinya dengan kuat.

5. Refleksi dan Penutup (5 minit)

Guru membuat rumusan bahawa setiap abjad mempunyai bentuk, bunyi dan contoh perkataan tertentu. Murid menyanyi semula lagu abjad sebagai penutup.

Rasional Aktiviti:

Aktiviti ini menekankan penguasaan asas literasi iaitu kesedaran abjad dan kesedaran fonemik. Pendedahan berulang terhadap abjad melalui visual, bunyi, dan contoh perkataan membantu murid membina hubungan antara simbol tulisan dan bunyi pertuturan (Jaafar et al., 2022). Selaras dengan teori Behaviorisme Skinner (1953), pengulangan dan ganjaran lisan daripada guru mampu menguatkan respons positif murid dalam mengenali abjad. Kajian oleh Selamat dan Bakar (2023) turut menegaskan bahawa pengajaran eksplisit abjad dengan sokongan bahan visual meningkatkan keupayaan literasi awal prasekolah secara signifikan.

Pelaksanaan Aktiviti 3: Cari Abjad Sama

Tajuk Pelajaran: Mari Cari Abjad Sama

Tempoh Masa: 30 hingga 35 minit

Objektif Aktiviti: Murid dapat mengenal bentuk abjad dengan lebih tepat, memadankan abjad yang sama, serta mengembangkan kemahiran sosial melalui aktiviti berpasangan.

Langkah Pelaksanaan:

1. Set Induksi (5 minit)

Guru menunjukkan contoh kad gantung abjad “A” dan “a”. Guru bertanya kepada murid, “Siapa boleh tunjuk abjad yang sama?” untuk menarik minat.

2. Arahan Aktiviti (5 minit)

Guru mengedarkan kad gantung abjad secara rawak kepada setiap murid. Murid diminta memakai kad tersebut pada leher.

3. Aktiviti Utama (15 minit)

- i. Murid diminta berjalan di sekitar kelas sambil mencari rakan yang memakai abjad sama.
- ii. Setelah menemui pasangan yang sepadan, mereka perlu menyebut abjad tersebut bersama-sama.

- iii. Guru memberikan dorongan positif dengan memberi pujian atau tepukan tangan apabila pasangan berjaya dibentuk.

4. Aktiviti Lanjutan (5 minit)

Setiap pasangan diminta memberikan contoh perkataan mudah yang bermula dengan abjad tersebut (contoh: “B – bola, buku”).

5. Penutup dan Refleksi (5 minit)

Guru merumuskan aktiviti dengan menekankan kepentingan mengenal abjad melalui pengamatan dan kerjasama. Murid menyebut semula abjad-abjad yang dipelajari.

Rasional Aktiviti:

Aktiviti ini berasaskan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan yang menekankan keseronokan dan interaksi sosial sebagai pemangkin pembelajaran (Hirsh-Pasek et al., 2009). Melalui aktiviti mencari abjad yang sama, murid bukan sahaja dapat menguasai kemahiran visual mengenal abjad, tetapi juga membina kemahiran sosial seperti komunikasi dan kolaborasi. Kajian oleh Ompok (2021) menunjukkan bahawa permainan berulang membantu meningkatkan daya ingatan kerja kanak-kanak, manakala Muner dan Rosli (2023) menegaskan bahawa aktiviti berpusatkan murid dapat meningkatkan efikasi sendiri dan mengurangkan kebimbangan, menjadikan pembelajaran lebih bermakna.

Pelaksanaan Aktiviti 4: Datuk Harimau

Tajuk Pelajaran: Permainan Abjad Datuk Harimau

Tempoh Masa: 35 minit

Objektif Aktiviti:

Murid dapat mengenal abjad yang dipakai melalui aktiviti bermain, meningkatkan fokus, daya ingatan, dan kesedaran fonemik secara menyeronokkan.

Langkah Pelaksanaan:

1. Set Induksi (5 minit)

Guru menceritakan kisah ringkas “Datuk Harimau mencari abjad” sambil menunjukkan beberapa kad abjad. Guru kemudian bertanya murid, “Siapa berani jadi Datuk Harimau?” untuk menarik minat.

2. Arahan Permainan (5 minit)

Murid memakai kad gantung abjad secara rawak. Seorang murid dipilih menjadi *Datuk Harimau*. Datuk Harimau menyebut abjad yang ingin dicari (contoh: “Saya mahu abjad B”).

3. Aktiviti Utama (15 minit)

- i. Kanak-kanak lain berlari sambil cuba mengelak daripada ditangkap oleh Datuk Harimau.
- ii. Murid yang memakai abjad tersebut perlu berlari lebih pantas agar tidak ditangkap.

- iii. Jika berjaya ditangkap, murid perlu menyebut abjad yang dipakai beserta satu perkataan mudah (contoh: “B – bola”).
- iv. Peranan Datuk Harimau digilirkan kepada murid lain supaya semua mendapat peluang.

4. Aktiviti Lanjutan (5 minit)

Guru menyoal murid secara rawak: “Abjad apa yang Datuk Harimau sebut tadi?” bagi memastikan murid mengingat kembali abjad yang dipelajari.

5. Penutup dan Refleksi (5 minit)

Guru membuat rumusan bahawa aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan tetapi membantu murid menguasai abjad dengan lebih cepat melalui permainan. Murid diminta berkongsi abjad kegemaran mereka.

Rasional Aktiviti:

Permainan “Datuk Harimau” menggabungkan elemen motor kasar, kognitif, dan sosial. Kanak-kanak belajar mengenal abjad melalui pengulangan sambil bermain, sekali gus meningkatkan daya ingatan kerja mereka (Ompok, 2021). Menurut Vygotsky (1978), interaksi sosial dalam konteks permainan kolaboratif dapat mempercepatkan proses pembelajaran. Aktiviti ini juga sejajar dengan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan (*play-based learning*) yang menekankan keseronokan dan keterlibatan aktif dalam proses literasi awal (Hirsh-Pasek et al., 2009).

Pelaksanaan Aktiviti 5: Paparan Kad Gantung Abjad Sebagai Dekorasi Kelas

Tajuk Pelajaran: *Abjad Ceria di Dinding Kelas*

Tempoh Masa: 25 hingga 30 minit

Objektif Aktiviti:

1. Murid dapat memaparkan hasil kerja kad gantung abjad sebagai bahan pembelajaran berterusan.
2. Murid dapat mengaitkan abjad dengan perkataan melalui paparan visual di dalam kelas.
3. Murid dapat mengembangkan rasa kepunyaan dan motivasi melalui penggunaan hasil kerja mereka sendiri sebagai bahan bantu mengajar.

Langkah Pelaksanaan:

1. Set Induksi (5 minit)

Guru berbincang ringkas dengan murid: “Bagaimana kalau kita jadikan kad abjad ini hiasan kelas kita?” sambil menunjukkan ruang yang akan digunakan.

2. Aktiviti Utama (15 minit)

- i. Murid diminta bersama-sama menggantung kad abjad yang telah mereka hasilkan di tali rentang atau papan pameran kelas.
- ii. Guru memastikan kad disusun mengikut urutan abjad A–Z supaya lebih sistematik.
- iii. Murid diberi peluang menyebut abjad yang digantung sambil mengaitkan dengan perkataan mudah (contoh: “C – cawan”).

3. Aktiviti Lanjutan (5 minit)

Guru menjalankan perbincangan ringkas: “Abjad apa yang kamu nampak berdekatan dengan abjad A?”, “Apa contoh lain untuk abjad M?” bagi merangsang interaksi dan pemahaman berterusan.

4. Penutup dan Refleksi (5 minit)

Guru menegaskan bahawa hiasan kelas itu adalah hasil kerja murid yang boleh digunakan setiap hari untuk belajar abjad. Murid berasa bangga kerana hasil kreativiti mereka menjadi sebahagian daripada persekitaran pembelajaran.

Rasional Aktiviti:

Paparan hasil kerja murid sebagai dekorasi kelas dapat meningkatkan motivasi, keyakinan diri dan rasa kepunyaan terhadap proses pembelajaran (Muner & Rosli, 2023). Menurut teori konstruktivis Vygotsky (1978), persekitaran pembelajaran yang kaya dengan rangsangan visual mampu menyokong pembinaan pengetahuan secara berterusan. Kajian oleh Selamat dan Bakar (2023) turut membuktikan bahawa paparan bahan pembelajaran yang dihasilkan murid sendiri berkesan dalam meningkatkan literasi awal dan keterlibatan murid di prasekolah.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah ini memberikan kesan positif dalam memperkukuhkan asas bahasa pada peringkat awal pembelajaran. Kad gantung abjad membuktikan keberkesanan dalam meningkatkan penguasaan abjad dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Melalui visual yang disediakan oleh kad gantung, kanak-kanak dapat dengan mudah mengenali dan menghafal susunan abjad. Ini memberi dasar kukuh untuk pembelajaran bahasa seterusnya. Selain itu, keberkesanan kaedah ini juga dapat dilihat melalui peningkatan kosa kata. Murid prasekolah yang menggunakan kad gantung abjad cenderung memiliki kefahaman yang lebih baik terhadap perkataan dan objek sekitar, memberi mereka kelebihan dalam perkembangan bahasa mereka. Lebih penting lagi, penggunaan kad gantung abjad terbukti memberikan dorongan kepada murid prasekolah untuk membina keupayaan membaca awal. Dengan memanfaatkan kaedah ini, kanak-kanak dapat melibatkan diri dalam aktiviti membaca secara lebih efektif, membentuk landasan yang kukuh untuk kemahiran membaca mereka di peringkat seterusnya. Implikasi positif daripada kajian ini memberikan suara yang kukuh untuk pengintegrasian kad gantung abjad dalam kurikulum prasekolah. Guru dan pendidik boleh mengambil inisiatif untuk mengkaji cara terbaik mengintegrasikan kaedah ini dalam suasana pembelajaran harian. Dengan demikian, pembelajaran bahasa prasekolah dapat ditingkatkan secara holistik, memberikan kesan positif terhadap perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan mereka.

Penilaian Aktiviti

Penilaian Aktiviti 1: Menghasilkan Kad Gantung Abjad

Penilaian bagi aktiviti ini dijalankan melalui pemerhatian guru ketika murid melaksanakan tugas menghasilkan kad gantung abjad. Hasil menunjukkan bahawa sembilan orang murid berjaya menyiapkan kad dengan cemerlang, sekali gus mencerminkan keberkesanan pengajaran serta

kemampuan mereka memahami dan melaksanakan arahan dengan baik. Secara keseluruhan, murid menghasilkan 26 kad gantung abjad lengkap dari abjad A hingga Z, yang kemudiannya digunakan dalam aktiviti pembelajaran seterusnya. Aktiviti ini bukan sahaja menonjolkan aspek kerjasama apabila murid saling membantu antara satu sama lain, tetapi juga memperkukuh semangat kolaboratif dalam kelas. Selain itu, proses penghasilan kad telah memberi ruang kepada murid menzahirkan kreativiti melalui hiasan dan seni visual, di samping meningkatkan kemahiran motor halus seperti menggunting, menampal, dan mewarna. Kejayaan menghasilkan bahan pembelajaran sendiri juga memberi impak positif terhadap keyakinan diri murid, kerana mereka merasakan hasil kerja mereka dihargai dan digunakan secara langsung dalam pembelajaran. Hal ini turut menyumbang kepada peningkatan motivasi serta keterlibatan aktif murid dalam kelas.



Rajah 1 : Kad Gantung Abjad

Penilaian Aktiviti 2: Pengenalan Abjad

Penilaian untuk aktiviti ini dilakukan secara pemerhatian terhadap murid. Guru membuat pemerhatian semasa murid melakukan aktiviti. Dalam aktiviti pendedahan awal mengenai abjad-abjad, guru memainkan peranan penting dalam membimbing murid-murid dalam memahami, mengenali, dan menguasai asas literasi. Penjelasan mengenai bentuk, bunyi, dan contoh perkataan yang bermula dengan setiap abjad memberikan landasan yang kukuh bagi pembangunan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak. Dapatan menunjukkan peningkatan kesedaran abjad, kemahiran pengenalan visual, penguasaan bunyi dan pengayaan kosa kata. Selain itu, aktiviti ini memberikan peluang kepada murid-murid untuk terlibat secara aktif, meningkatkan motivasi, dan membangun keyakinan dalam kemampuan literasi mereka. Secara keseluruhan, pendedahan awal ini membentuk asas penting untuk perkembangan literasi kanak-kanak, mempersiapkan mereka untuk tahap pembelajaran yang lebih lanjut dalam proses pendidikan.

Penilaian Aktiviti 3: Cari Abjad Sama

Penilaian untuk aktiviti ini dilakukan secara pemerhatian terhadap murid. Guru membuat pemerhatian semasa murid melakukan aktiviti. Aktiviti mencari abjad yang sama untuk kanak-kanak prasekolah membantu meningkatkan kemahiran mengenal abjad. Melalui penglibatan yang berulang kali, kanak-kanak dapat memperkukuh pemahaman mereka terhadap bentuk abjad-abjad dan membina asas yang kukuh untuk mengenal abjad. Proses mencari abjad yang sama memerlukan fokus yang tinggi dari kanak-kanak prasekolah. Dengan memberi perhatian kepada butiran dan mengenal abjad-abjad yang serupa, mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti yang membangunkan daya tahan kognitif.

Aktiviti mencari abjad yang serupa memberikan peluang untuk pengembangan kemahiran pengamatan. Kanak-kanak perlu membandingkan bentuk abjad, merangsang proses kognitif yang melibatkan pengurusan maklumat dan aspek logik. Aktiviti ini tidak sekadar berfokus pada struktur pembelajaran yang rutin, tetapi juga memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk

mengekspresikan kreativiti dalam cara mereka mencari abjad yang sama. Gaya pembelajaran yang berbeza dapat diwujudkan, merangsang pemikiran kreatif dan penyesuaian diri terhadap situasi pembelajaran. Aktiviti mencari abjad yang sama membawa kepada kemajuan bahasa kanak-kanak prasekolah. Mereka tidak hanya mengenali bentuk abjad, tetapi juga membina hubungan antara bentuk abjad dengan bunyinya, memperkaya kemahiran bahasa dan penguasaan fonetik. Kejayaan dalam mencari abjad-abjad serupa merangsang motivasi intrinsik kanak-kanak untuk terlibat dalam proses pembelajaran. Pencapaian yang diperoleh melalui aktiviti ini dapat menjadi pendorong positif terhadap motivasi dan keterlibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran.

Melalui aktiviti ini, kanak-kanak dapat membangun kemahiran sosial seperti berkomunikasi dan bekerjasama dalam suasana pembelajaran yang kolaboratif. Interaksi antara mereka dapat memperkuat proses pembelajaran dan membina sikap positif terhadap kerjasama. Aktiviti mencari abjad yang sama bukan hanya aktiviti pengenalan abjad, tetapi juga merangkumi aspek kognitif, kreativiti, bahasa dan sosial yang membawa kepada pembelajaran holistik pada peringkat prasekolah.

Penilaian Aktiviti 4: Datuk Harimau

Penilaian terhadap aktiviti ini melibatkan pemerhatian terhadap murid oleh guru semasa pelaksanaan permainan abjad menggunakan permainan "Datuk Harimau." Beberapa aspek positif yang diperhatikan memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembelajaran dan perkembangan murid. Permainan "Datuk Harimau" menonjolkan daya tarik yang tinggi oleh murid, menjadikan proses pembelajaran abjad lebih menarik dan bersifat menyeronokkan. Elemen permainan tersebut memotivasikan murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran mengenal abjad. Selain itu, permainan ini memacu murid untuk aktif dalam proses mengenal abjad, merangsang pemikiran kreatif dan meningkatkan interaksi sosial dalam kalangan mereka. Kemahiran sosial murid turut terasah melalui permainan ini, dengan mereka dapat membina kemahiran bekerjasama dan berkomunikasi dengan rakan-rakan. Dari segi aspek kognitif, aktiviti ini memberi kesan positif terhadap perkembangan pemikiran murid, termasuk kemahiran pemprosesan maklumat dan peningkatan daya ingatan melalui aktiviti permainan abjad. Melalui interaksi berulang dalam permainan, murid-murid dapat meningkatkan penguasaan mereka terhadap abjad. Proses pemilihan abjad dan keterlibatan dalam permainan turut membantu memperkuat pengetahuan abjad mereka. Secara umumnya, permainan "Datuk Harimau" mampu meningkatkan motivasi murid untuk terus belajar serta mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mengenal abjad.

Penilaian Aktiviti 5: Paparan Kad Gantung Abjad Sebagai Dekorasi Kelas

Penilaian bagi aktiviti ini dilaksanakan melalui pemerhatian guru semasa murid terlibat dalam aktiviti. Paparan kad gantung abjad di dalam kelas prasekolah memberikan kesan positif yang signifikan terhadap tahap penguasaan abjad kanak-kanak. Aktiviti ini membuktikan keberkesanan kad gantung sebagai bahan bantu mengajar yang menyeluruh kerana ia bukan sahaja menjadi hiasan, tetapi juga berfungsi sebagai sumber pembelajaran visual yang sentiasa tersedia. Sebanyak 26 kad gantung abjad dipaparkan di beberapa lokasi strategik dalam kelas, termasuk di sudut bacaan, papan pameran utama, berhampiran pintu masuk dan tingkap kelas. Kedudukan ini membolehkan murid melihat kad dengan kerap, sekali gus memberi pendedahan konsisten terhadap bentuk abjad dan kaitannya dengan bunyi.

Imej berwarna-warni dan susunan kad yang menarik merangsang minat murid serta menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermakna. Paparan berterusan ini membantu kanak-kanak membina kemahiran pengenalan abjad secara berperingkat serta menyediakan asas kukuh untuk kemahiran literasi yang lebih mendalam pada masa hadapan.

Selain itu, guru dapat menggunakan paparan kad sebagai alat interaktif untuk merangsang perbincangan kelas, meminta murid mengenal abjad tertentu, atau memberi contoh perkataan yang bermula dengan abjad tersebut. Hal ini bukan sahaja meningkatkan komunikasi lisan murid, tetapi juga menjadikan pengalaman pembelajaran lebih holistik, bermakna, dan kontekstual dalam persekitaran bilik darjah prasekolah.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kad gantung abjad memberi kesan positif dalam memperkukuh asas bahasa dan literasi awal kanak-kanak prasekolah. Paparan visual abjad melalui kad gantung memudahkan pengenalan dan penghafalan susunan abjad kerana imej abjad yang jelas dan menarik memberi rangsangan visual yang konsisten (Syam, Afiif & Damayanti, 2022). Implikasi positif ini turut terbukti dengan peningkatan kosa kata murid kerana pendedahan berulang terhadap abjad dan objek di sekeliling memperkayakan perbendaharaan bahasa mereka, sekaligus menyokong perkembangan pembacaan awal yang lebih efektif (Lee & Wang, 2020). Di samping itu, pendekatan ini selari dengan prinsip *play-based learning*, seperti yang digalakkan dalam kurikulum prasekolah Malaysia, yang didapati meningkatkan keterlibatan dan minat murid terhadap pembelajaran abjad (Fong & Ngadni, 2024). Kesemua ini memberikan justifikasi kuat untuk pengintegrasian kad gantung abjad secara sistematik dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak, memandangkan ia menyokong perkembangan bahasa secara holistik dan bermakna. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah ini memberikan kesan positif dalam memperkukuhkan asas bahasa pada peringkat awal pembelajaran. Kad gantung abjad membuktikan keberkesanan dalam meningkatkan pengenalan abjad kepada kanak-kanak prasekolah. Melalui visual yang disediakan oleh kad gantung, kanak-kanak dapat dengan mudah mengenali dan menghafal susunan abjad. Ini memberi dasar kukuh untuk pembelajaran bahasa seterusnya. Selain itu, keberkesanan kaedah ini juga tercermin dalam peningkatan kosa kata. Murid prasekolah yang menggunakan kad gantung abjad cenderung memiliki kefahaman yang lebih baik terhadap perkataan dan objek sekitar, memberi mereka kelebihan dalam perkembangan bahasa mereka. Lebih penting lagi, penggunaan kad gantung abjad terbukti memberikan dorongan kepada murid prasekolah untuk membina keupayaan membaca awal. Dengan memanfaatkan kaedah ini, kanak-kanak dapat melibatkan diri dalam aktiviti membaca secara lebih efektif, membentuk landasan yang kukuh untuk kemahiran membaca mereka di peringkat seterusnya. Implikasi positif daripada kajian ini memberikan suara yang kukuh untuk pengintegrasian kad gantung abjad dalam kurikulum prasekolah. Guru dan pendidik boleh mengambil inisiatif untuk menyelidik cara terbaik mengintegrasikan kaedah ini dalam suasana pembelajaran harian. Dengan demikian, pembelajaran bahasa prasekolah dapat ditingkatkan secara holistik, memberikan kesan positif terhadap perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan mereka.

Visualisasi yang Efektif

Paparan visual abjad melalui kad gantung memberikan gambaran yang efektif dan mudah difahami kepada kanak-kanak prasekolah. Bentuk abjad yang besar dan warna-warna cerah pada kad gantung memikat perhatian kanak-kanak, membantu mereka untuk mengenali dan mengingat setiap abjad secara lebih efisien. Zulfikri dan Masnan (2022) menegaskan bahawa permainan interaktif yang mengandungi elemen gambar, animasi, dan warna mampu meningkatkan pengekalan memori kanak-kanak serta menggalakkan keterlibatan aktif dalam kelas. Oleh itu, kad gantung abjad yang dipersembahkan dalam bentuk visual yang terang dan interaktif boleh dianggap sejajar dengan inovasi pedagogi berasaskan permainan interaktif kerana ia menjadikan pembelajaran lebih menarik, bermakna, dan menyeronokkan bagi kanak-kanak prasekolah.

Stimulasi Pengenalan Abjad

Kad gantung abjad merangsang pengenalan abjad-abjad secara berulang kali. Kanak-kanak dapat melibatkan diri dalam aktiviti mencari abjad, perbincangan dan mengecam abjad-abjad yang dipaparkan. Stimulasi ini membantu memperkukuh dan memperluas kemahiran pengenalan abjad mereka. Hal ini sejajar dengan kajian oleh Rozana dan Hamidah (2022) yang membuktikan bahawa penggunaan kad yang mengandungi perkataan melalui pendekatan belajar sambil bermain dapat meningkatkan kemahiran memilih, memadan, dan menyebut kosa kata Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak. Keberkesanan bahan berasaskan kad ini terletak pada sifatnya yang interaktif dan visual, membolehkan murid membina perkaitan antara abjad, gambar, dan perkataan secara lebih konkrit. Justeru, penggunaan kad gantung abjad dalam kajian ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa strategi berasaskan permainan dan bahan visual mampu merangsang minat, sekali gus memperkukuh penguasaan bahasa pada peringkat awal kanak-kanak.

Pembinaan Keterlibatan dan Minat

Kad gantung abjad dapat diintegrasikan ke dalam aktiviti pembelajaran yang melibatkan kreativiti, seperti menyusun abjad-abjad mengikut urutan atau secara rawak. Hal ini membina keterlibatan dan minat kanak-kanak terhadap abjad, menjadikan pembelajaran lebih menarik dan bermakna. Penggunaan kad gantung abjad dalam pembelajaran bahasa mempunyai persamaan yang signifikan dengan pendekatan konkrit dan visual yang digunakan dalam pembelajaran Matematik Awal di prasekolah. Dalam konteks penguasaan bahasa, kad gantung abjad berfungsi sebagai alat konkrit yang membolehkan murid menyusun, mengenal, dan memadankan abjad secara aktif, sama seperti penggunaan blok, kad gambar atau kit manipulatif dalam pembelajaran Matematik Awal yang terbukti meningkatkan keterlibatan dan minat murid (Bakar et al., 2020; Juraida, 2021). Justeru, integrasi kad gantung abjad bukan sahaja menyokong perkembangan literasi awal tetapi juga mengaplikasikan prinsip pembelajaran yang menyeronokkan, sekali gus menjadikan proses PdP lebih bermakna kepada kanak-kanak.

Asas Pembelajaran Bahasa

Dalam konteks pembelajaran bahasa, penggunaan kad gantung abjad boleh dianggap sebagai salah satu bentuk permainan interaktif yang menyokong pembelajaran bermakna. Hal ini kerana, seperti yang diujahkan oleh Zulfikri dan Masnan (2022), permainan interaktif berupaya meningkatkan penglibatan murid, memupuk kreativiti, serta membantu mereka menguasai kemahiran asas melalui pengalaman belajar yang menyeronokkan. Justeru, integrasi kad gantung abjad sebagai bahan bantu visual bukan sahaja memperkukuh asas literasi awal, malah selari dengan inovasi pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembelajaran melalui bermain dan penggunaan strategi interaktif untuk memperkukuh kemahiran bahasa dalam kalangan kanak-kanak.

Keterlibatan Sosial dan Interaksi

Paparan Penggunaan kad gantung abjad dalam PdP prasekolah bukan sahaja berfungsi sebagai alat bantu literasi awal, malah dapat memperkukuh keterlibatan sosial dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini sejajar dengan kajian oleh Hendry dan Mamat (2022) yang mendapati bahawa kad bacaan merupakan bahan bantu mengajar yang berkesan kerana ia melibatkan kanak-kanak secara aktif dalam proses membaca, di samping membina rasa ingin tahu serta motivasi mereka untuk meneroka abjad dan perkataan baharu. Aktiviti seperti menyusun atau mengenal abjad menggunakan kad gantung abjad dapat merangsang kanak-kanak untuk berkomunikasi, berkongsi pengetahuan dengan rakan sebaya, serta meningkatkan keyakinan mereka dalam aktiviti

berkumpulan. Oleh itu, integrasi kad gantung abjad dalam PdP dapat dilihat sebagai kesinambungan daripada inovasi kad bacaan yang terbukti menyokong perkembangan kemahiran membaca serta membina asas literasi yang kukuh pada peringkat awal kanak-kanak.

KESIMPULAN

Penggunaan kad gantung abjad di kalangan kanak-kanak prasekolah dapat membantu mengukuhkan pemahaman abjad. Melalui visualisasi, keterlibatan aktif dan interaksi sosial, kad gantung memberikan peluang kepada kanak-kanak prasekolah untuk membangun asas yang kukuh dalam pengenalan abjad-abjad abjad. Walaupun penggunaan kad gantung adalah pendekatan yang tradisional, kesannya yang positif terhadap pembelajaran abjad kanak-kanak prasekolah menunjukkan bahawa kaedah ini tetap relevan dan efektif dalam konteks pendidikan awal.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, R., & Abdul Hamid, H. (2022). Mastering English Language Vocabulary in Early Childhood Education with G-ALPHA: WORD CARD. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 89-102. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.8.2022>
- Basri, S., & Maat, S. M. (2021). Tahap *burnout* dalam kalangan guru Matematik sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1085>
- Dirgayunita, A., Dheasari, A. E., & Hanafi, A. R. B. (2022). Identifikasi kesulitan belajar “disleksia” anak usia dini. *Al-Athfal Jurnal Pendidikan Anak*, 3(1), 1–12. <https://doi.org/10.46773/al-athfal.v3i1.426>
- Fong, J. Y., & Ngadni, I. (2024). Play-based learning in Malaysian early childhood education: Diploma students’ perspectives and challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4), 1–15. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i4/23143>
- Frebel, F. (1887). *The education of man*. D. Appleton and Company.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. Basic Books.
- Hirsh-Pasek, K., Golinkoff, R. M., Berk, L. E., & Singer, D. (2009). *A mandate for playful learning in preschool*. Oxford University Press.
- I. P. Sari, R. K. Sormin, A. Purba, A. P. Rahayu, & E. E. Khairas. (2023). Effectiveness of flash card media to improve early childhood English letter and vocabulary recognition in reading. *Journal of Education and Learning Research*, 1(1), 1–7.
- Jaafar, A. N. M., Prabhakaran, S., Hosshan, H., Zalli, M. M. M., & Setambah, M. A. B. (2022). Penggunaan kit ‘My Fimoki’ dalam meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(8), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1689>
- Kaviza, M., Ibrahim, C. S., & Noh, N. C. (2022). Strategi *Think Pair Share* dalam mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(10), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1918>
- Lee, J. A. C., & Wang, J. Y. (2020). Alphabetic knowledge and phonological awareness: A comparison between Malaysian preschool children from public and private kindergartens. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 6(2), 45–60.
- Min, T. L. L., & Maat, S. M. (2022). Penerimaan murid terhadap pembelajaran berasaskan permainan dalam Matematik: Tinjauan literatur bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(12), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1962>
- Muner, N. S., & Rosli, R. (2023). Persepsi keseimbangan dan efikasi sendiri murid sekolah rendah dalam pembelajaran Matematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2147>
- Nik Abdullah, N. N. A., Jamil, N., & Rahman, S. N. (2023). Pembangunan kad bacaan dalam membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 18–29. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.3.2023>
- Piaget, J. (1952). *The origins of intelligence in children*. International Universities Press.
- Ps. Kristina. (2025). The importance of play in early childhood learning. *Torang: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 2(1), 10–24. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Rosli, N. Z., Rusli, N. F. M., Jobar, N. A., & Zakaria, N. (2021). Kemahiran bertutur Bahasa Melayu oleh murid Cina: Teori analisis kontrastif. *LSP International Journal*, 8, 1–13. <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.16906>

- Sari, I. P., Sormin, R. K., Purba, A., Rahayu, A. P., & Khairas, E. E. (2023). Effectiveness of flash card media to improve early childhood English letter and vocabulary recognition in reading. *Journal of Education and Learning Research*, 1(1), 1–7.
- Selamat, S., & Bakar, K. A. (2023). Penerokaan amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kad imbas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2180>
- Sia, S. P., & Abu Bakar, K. (2022). Improving the Addition of Preschool Children Through the use of Concrete and Visual Materials. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 103–113. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.9.2022>
- Sibat, R. A., & Yasin, R. M. (2022). Pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 1–12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1446>
- Skinner, B. F. (1953). *Science and human behavior*. Macmillan.
- Subramaniam, V., & Kunasegran, K. (2022). Reading skills in Malay language literacy of dyslexic students. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 101–118. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no7)
- Tan, Y. V., & at al. (2025). Analyzing the effectiveness of the READi system in helping non-native English-speaking preschoolers in Sarawak learn the alphabet: A pilot study. *Journal of Early Childhood Literacy and Development*, 3(1), 22–34.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wei, S. L. Y., Lambri, A., & Kiting, R. (2020). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *Educatum Journal of Social Sciences*, 6(1), 40–48. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.1.4.2020>
- Zulfikri, A. Z., & Masnan, A. H. (2022). The Use of Interactive Games in Children's Teaching and Learning Processes: An Innovation: Penggunaan Permainan Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-Kanak: Suatu Inovasi. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(2), 48–54. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.2.5.2022>